159. Sesiapa yang melanggar peruntukan dalam seksyen 33 dengan memberitahu atau membuka rahsia akan apa-apa perkara yang mana telah menjadi tugasnya merahsiakan kepada seseorang yang tidak berhak di sisi undang-undang untuk diberitahukan adalah menjadi satu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

160. (1) Mana-mana orang melanggar seksyen 126 adalah melakukan satu kesalahan.

(2) Fardhu Jumaat tidak boleh didirikan di mana-mana dalam Negeri dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Majlis.

(3) Sesiapa yang melanggar seksyen-kecil (1) dan (2) bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

161. Sesiapa kecuali di tempat kediamannya sendiri dan di hadapan ahli-ahli rumahnya sahaja, mengajar apa-apa hukum atau ajaran Ugama Islam dengan tiada mempunyai Tauliah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan adalah melakukan satu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan.

162. (1) Sesiapa mengajar atau menghuraikan kepada orang ramai apa-apa ajaran atau menjalankan apa-apa perbuatan berkaitan dengan Ugama Islam yang berlawanan dengan Hukum Syara' (سراج) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Jika, semasa dalam pembicaraan di atas sesuatu tuduhan di bawah seksyen ini ada berbangkit soal-soalan yang bertekadakkan penyelesaiannya dengan berpendukan sesuatu fatwa yang belum diakui atau dibuat dalam Negeri ini maka Mahkamah itu hendaklah merujuk soal itu dengan secara

bertulis kepada Majlis dan Mahkamah itu hendaklah patuh kepada apa-apa penetapan yang dibuat oleh Majlis di atas soalan yang dirujukkan itu

(3) Apabila rujukan dibuat di bawah seksyen kecil (2), maka Mahkamah itu bolehlah menangguhkan pembicaraan kes itu hingga diterima penetapan dari Majlis.

(4) Semua ajaran yang salah bagi maksud seksyen kecil (1), jika bertulis, maka Mahkamah hendaklah memerintahkan bagi barang-barang bertulis itu dirampas dengan arahan supaya dimusnahkan atau dengan apa-apa arahan yang sesuai sama ada pendakwaan dibuat atau tidak ke atas sesiapa pun.

163. Sesiapa mengeluarkan, menyiarkan atau menyebarkan dengan apa cara jua pun apa-apa fatwa atau penetapan berkenaan dengan ajaran Ugama Islam atau Adat Resam Melayu selain daripada fatwa atau penetapan yang dikeluarkan oleh Majlis, Mufti atau sesiapa yang diberi kuasa, adalah menjadi satu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya.

164. (1) Sesiapa yang mencetak, menerbit, menjual, mempromirkan sama ada untuk dijual atau dipertunjukkan percuma dengan apa cara jua pun, menyebar atau membahagi-bahagikan apa-apa buku, majalah-majalah, dokumen-dokumen atau surat-surat yang mengandungi ajaran, fatwa, atau penetapan yang bertentangan dengan mazhab-mazhab yang empat atau dengan mana-mana fatwa yang telah sah dikeluarkan dalam Negeri ini adalah menjadi satu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Sesiapa ada dalam kawalannya, simpanannya atau padanya buku-buku, majalah-majalah, dokumen-dokumen atau surat-surat yang disebut dalam seksyen kecil (1), jika didapati dalam keadaan yang boleh memberi sebab untuk mengesyaki bahawa buku-buku,

majalah-majalah, dokumen-dokumen dan surat-surat itu adalah untuk disebarikan, dihaagi-haagikan atau untuk dijual, maka barang-barang itu hendaklah dianggap sebagai di dalam kawalannya, simpanan atau padanya untuk disebarikan, dihaagi-haagikan atau dijual.

(3) Dalam ketiadaan keterangan-keterangan yang lain yang bertentangan, jika terdapat lima buah atau lebih buku-buku atau majalah-majalah itu atau lima helai dengan kandungan yang serupa atau lebih dokumen-dokumen atau surat-surat itu, maka ini adalah mencukupi untuk memberi syak yang dikehendaki di bawah seksyen-kecil (2).

(4) Mahkamah hendaklah memerintahkan bagi semua buku-buku, majalah-majalah, dokumen-dokumen dan surat-surat bagi maksud seksyen-kecil (1) dan (2) dirampas dengan arahan supaya dimusnahkan atau dengan apa-apa arahan yang sesuai sama ada pendakwaan dibuat atau tidak ke atas sesiapa pun.

165. Sesiapa ada dalam kawalannya, simpanannya atau padanya buku-buku, majalah-majalah, dokumen-dokumen atau surat-surat yang mengandungi ajaran, fatwa atau penetapan yang bertentangan dengan mazhab-mazhab yang empat atau dengan mana-mana fatwa yang telah sah dikeluarkan dalam Negeri ini adalah melakukan satu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit.

166. Sesiapa yang mendakych atau mengajar ajaran atau kepercayaan Ugama lain daripada Ugama Islam di kalangan orang-orang yang beragama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

167. Sesiapa menggunakan sesuatu ayat Quran atau Hadis atau perkataan-perkataan yang dipandang suci oleh orang-orang Islam di tempat-tempat hiburan awam atau di tempat-tempat dan dalam keadaan-keadaan yang tidak sepatutnya adalah melakukan

suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya.

168. Sesiapa mengejek atau mempersendakan atau meniru atau mengajukkan dengan secara mengejek apa-apa perbuatan atau upacara yang berkaitan dengan Ugama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya.

Mengejek
atau
mempersenda
perbuatan
yang berkaitan
dengan
Ugama
Islam

169. Sesiapa yang tidak patuh kepada titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan selaku Ketua Ugama Negeri atau terhadap apa-apa arahan yang sah dari Majlis, mana-mana Jawatankuasanya atau pegawainya atau terhadap hukuman, perintah atau arahan mana-mana Mahkamah termasuk Mahkamah Ulangbicara atau pegawai pengetua Mahkamah atau pegawai-pegawai Masjid adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya.

Pengabaian
terhadap
titah
perintah
Ugama

170. Sesiapa dengan secara lisan atau bertulis atau dengan kelakuan yang nyata mencerca atau membawa kepada penghinaan atau cuba mencerca atau menghina Ugama Islam atau ajaran mana-mana mazhab yang empat itu atau pengajaran mana-mana guru ugama yang bertauliah atau mana-mana fatwa yang dikeluarkan mengikut Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

Mencela
Ugama

171. (1) Sesiapa yang wajib membayar zakat dan fitrah mengikut penetapan yang sah akan banyaknya dan tidak berjaya mendapatkan pengecualian daripada pembayarannya atau apa-apa keputusan yang lain; tidak mahu atau dengan sengaja tidak membayarnya

Tidak mem-
bayar zakat
atau fitrah

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada seratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu bulan atau kedua-duanya.

(2) Apa-apa hukuman yang dijatuhkan ke atas kesalahan di bawah seksyen ini tidak akan meluputkan tanggungan seseorang yang dihukum itu daripada membayar zakat dan fitrah itu.

(3) Zakat (زکات) atau Fitrah (فطره) yang wajib dibayar oleh seseorang itu bolehlah dituntut seolah-olah ianya telah diperintahkan dengan sah oleh Mahkamah supaya diserahkan kepada Majlis atau ianya boleh dituntut seolah-olah sebagai denda di bawah Enakmen ini.

172. Sesiapa yang dikehendaki memberi penyata atau taksiran pendapatannya berhubung dengan Zakat (زکات) dan Fitrah (فطره) dalam tempoh yang ditentukan dengan sengaja telah enggan atau cuba mengelakkan diri daripada berbuat demikian itu dengan tiada sebab-sebab yang manasabah ataupun memberi penyata atau taksiran yang palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya.

173. Sesiapa yang wajib membayar Zakat atau Fitrah, membayar kepada seorang bukan Amil, dan sesiapa yang bukan Amil menerima atau mengutipnya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit boleh dihukum dengan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya.

174. (1) Mana-mana Amil, setelah menerima atau mengutip zakat (زکات) dan Fitrah (فطره) tidak menyerahkan kutipannya atau kira-kira kutipannya sebagaimana yang dikehendaki oleh Enakmen ini atau Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana Mahkamah apabila tamatnya membicarakan kes di bawah seksyen ini jika kutipan atau kira-kira atas kutipan itu atau kedua-duanya belum diserahkan lagi hendaklah memerintahkan supaya ianya diserahkan kepada Yang di-Pertua atau wakilnya.

175. (1) Sesiapa menghasut, menghalang atau memujuk mana-mana orang Islam supaya tidak menghadiri Masjid atau menghadiri kelas ugama Islam adalah melakukan satu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada seratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu bulan.

Menghasut
jangan mem-
buat ibadat

(2) Sesiapa dengan apa cara jua pun menghasut menghalang atau memujuk mana-mana orang Islam daripada membayar Zakat (زكاة) dan Fitrah (فطره) adalah melakukan satu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

176. Mana-mana perempuan Islam melacurkan diri adalah melakukan satu kesalahan dan apabila sabit boleh dihukum dengan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya.

Melacurkan
diri

177. Seorang suami yang memaksa, menyokong atau membiarkan isterinya melacurkan dirinya dengan tujuan untuk mendapat hasil dari pelacuran itu adalah melakukan satu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

Suami
memaksa
menyokong
atau mem-
biarkan isteri
melacurkan
diri

178. Seorang isteri yang melacurkan dirinya dengan kemahuannya sendiri adalah melakukan satu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya.

Isteri
melacurkan
dirinya

179. Sesiapa melarikan atau memujuk dengan tujuan untuk membawa lari mana-mana anak dara dari dalam jagaan ibubapa atau penjaganya atau dari dalam jagaan sesiapa yang memelihara bagi pihak ibubapa atau penjaganya adalah melakukan satu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

180. Mana-mana anak dara lari dari dalam jagaan ibubapa atau penjaganya dengan tiada sebab yang munasabah pada Hukum Syara' (سرعة) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya.

181. (1) Sesiapa menjual atau memberikan anaknya kepada orang yang bukan beragama Islam adalah melakukan satu kesalahan dan apabila sabit boleh dihukum dengan didenda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Jualan atau pemberian itu adalah tidak sah dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya anak itu diserahkan kepada mana-mana orang yang ditentukannya. Tidak ada sebarang tuntutan dengan apa cara pun boleh mana-mana pihak boleh di buat berikutan dari perintah serahan Mahkamah itu.

182. Sesiapa melarikan atau menyebabkan seseorang isteri itu lari meninggalkan suaminya adalah melakukan satu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya dan Mahkamah bolehlah memerintahkan supaya isteri itu kembali atau dihantarkan kepada suaminya.

183. Mana-mana perempuan Islam yang mendedahkan sebahagian besar daripada tubuh badannya di khalayak ramai adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada tiga ratus ringgit.

184. Mana-mana orang Islam yang sudah akil baligh memeluk atau mencium seseorang bukan mahramnya (محرم) di khalayak ramai adalah melakukan satu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada tiga ratus ringgit.

Menjauhkan
maruah

185. Mana-mana orang Islam menyatakan yang ia sudah keluar daripada Ugama Islam dengan tujuan untuk melepaskan dirinya daripada tanggungjawabnya sebagai seorang Islam terhadap sesiapaupun sebagaimana yang dikehendaki oleh Hukum Syara' (شرع) adalah melakukan satu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.

Meng
patakan
kesalahan
untuk
melepaskan
tanggung
jawab

186. Sesiapa bersubahat melakukan mana-mana kesalahan dalam Enakmen ini hendaklah dihukum dengan hukuman yang sama dengan hukuman bagi kesalahan itu seolah-olah ia telah melakukan kesalahan itu. Seorang yang bersubahat dalam melakukan sesuatu kesalahan itu ialah seorang yang --

Makna
bersubahat
membuat
kesalahan

- (a) menghasut mana-mana orang untuk melakukan kesalahan itu walaupun orang yang dihasut itu akhirnya tidak melakukan kesalahan itu; atau
- (b) mengambil bahagian dengan seorang atau beberapa orang yang lain dalam sesuatu pakatan jahat untuk melakukan kesalahan itu, jika kesalahan itu berlaku atau tidaknya disebabkan pakatan jahat itu; atau
- (c) dengan niat membantu dengan membuat sesuatu perbuatan untuk melakukan kesalahan itu.

187. Mana-mana kesalahan sama ada dalam Enakmen ini atau dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini yang tidak diperuntukkan baginya hukuman yang nyata boleh dihukum dengan didenda tidak lebih daripada seratus ringgit atau dipenjarakan tidak lebih daripada satu bulan atau kedua-duanya.

Kesalahan
kesalahan
yang tidak
dinyatakan
hukumannya

Enakmen bagi meminda...
Islam dan Adat Resam Melayu... 1987.

Mengikut Fasal (1) ... 24. Bahagian Pertama,
Undang-Undang Tubuh Kerajaan ...
DENGAN INI DIKANUNKAN oleh ...
Undang-Undang seperti berikut:

1. Enakmen ini bolehlah ...
tentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu
Undang-Undang (Pindaan) 1987 dan ...
kuatkuasa pada 1 haribulan Januari 1988.

Tajuk Undang-
Undang ...
...

2. Suneksyon (5)(a) seksyen 43 Enakmen Pen-
tentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Undang-
1982, yang di dalam Enakmen ini disebut "Enakmen
...", adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-
perkataan "tiga bulan penjara atau denda yang
tidak lebih daripada lima ratus ringgit" dengan
perkataan-perkataan "satu tahun penjara atau denda
yang tidak lebih daripada dua ribu ringgit".

Pindaan bagi
seksyen 43.

3. Seksyen 135 Enakmen itu adalah dipinda
dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima
puluh ringgit atau penjara tidak lebih daripada

Pindaan bagi
seksyen 135.

"belas hari" dengan perkataan-perkataan "lima
puluh ringgit atau penjara tidak lebih daripada
tiga bulan atau kedua-duanya".

1. Seksyen 136 Enakmen itu telah dipinda-
kan dengan menggantikan perkataan-perkataan "satu
puluh ringgit atau penjara tidak lebih daripada
dua belas hari" dengan perkataan-perkataan
"lima puluh ringgit atau penjara tidak lebih dari-
pada tiga tahun atau kedua-duanya dan sebat tidak
lebih daripada enam kali sebatan".

Pindaan bagi
Seksyen 136.

Seksyen 137 Enakmen itu telah dipinda-

Pindaan bagi
Seksyen 137.

(a) dengan menggantikan perkataan
perkataan "lima puluh ringgit atau
penjara tidak lebih daripada tujuh
hari" yang terdapat dalam baris tujuh,
lapan dan sembilan subseksyen (1)
dengan perkataan-perkataan "lima ratus
ringgit atau penjara tidak lebih dari-
pada tiga bulan atau kedua-duanya";

(b) dengan menggantikan perkataan-
perkataan "satu ratus ringgit atau
dipenjara tidak lebih daripada lima
belas hari" yang terdapat dalam baris
sebelas dan dua belas subseksyen (1)

dengan perkataan-perkataan "satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya";

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "dua puluh ringgit atau penjara tidak lebih daripada tujuh hari" yang terdapat dalam baris tujuh dan lapan subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "dua ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya"; dan

(d) dengan menggantikan perkataan-perkataan "satu ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada lima belas hari" yang terdapat dalam baris sepuluh dan sebelas subseksyen (2)

dengan perkataan-perkataan "satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan".

Seksyen 139 Enakmen itu adalah dipinda

dengan bagi
Seksyen 139.

dengan menggantikan perkataan-perkataan "satu ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada lima belas hari" dengan perkataan-perkataan "dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya".

Seksyen 144 Enakmen itu adalah dipinda
dengan menggantikan perkataan-perkataan "satu
ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada
dua belas hari" dengan perkataan-perkataan
"satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih dari-
pada enam bulan atau kedua-duanya".

Pindaan bagi
sekseyen 144.

Seksyen 145 Enakmen itu adalah dipinda -

Pindaan bagi
sekseyen 145.

- (a) dengan menggantikan perkataan-
perkataan "lima ratus ringgit atau
penjara tidak lebih dari tiga
bulan" yang terdapat dalam baris tiga
belas dan empat belas subseksyen (1)
dengan perkataan-perkataan "satu ribu
ringgit atau penjara tidak lebih dari-
pada enam bulan";
- (b) dengan menggantikan perkataan-
perkataan "satu ribu ringgit atau tidak
lebih daripada enam bulan penjara" yang
terdapat dalam baris tujuh belas dan
lapan belas subseksyen (1) dengan per-
kataan-perkataan "dua ribu ringgit atau
penjara tidak lebih daripada satu tahun";
- (c) dengan menggantikan perkataan-
perkataan "lima ratus ringgit atau

penjara tidak lebih dari dan tiga bulan" yang terdapat dalam baris tujuh dan lapan subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih dari dan dua bulan".

- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan "seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan" yang terdapat dalam baris dua belas dan tiga belas subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun".

Subseksyen (1) seksyen 146 Enakmen itu adalah

Pindaan bagi seksyen 146.

dengan menggantikan perkataan-perkataan "seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya" dengan perkataan-perkataan "lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya dan selat tidak lebih daripada enam kali sebatan".

Seksyen 147 Enakmen itu adalah dipinda -

Pindaan bagi seksyen 147.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau

kedua-duanya" yang terdapat dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya dan sebat tidak lebih daripada enam kali sebatan"; dan

- (h) dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan" yang terdapat dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan "dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun"

11. Subseksyen (1) seksyen 149 Enakmen itu telah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya" dengan perkataan-perkataan "lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya dan sebat tidak lebih daripada enam kali sebatan".

Pindaan bagi seksyen 149.

12. Seksyen 150 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan" dengan perkataan-perkataan "dua

Pindaan bagi seksyen 150.

tu ringgit atau penjara tidak lebih daripada
satu tahun".

Seksyen 156 Enakmen itu adalah dipinda dengan
menggantikan perkataan-perkataan "seratus ringgit"
dengan "penjara tidak lebih daripada satu bulan"
dan perkataan-perkataan "lima ratus ringgit atau
penjara tidak lebih daripada tiga bulan".

Pindaan bagi
seksyen 156.

Subseksyen (1) seksyen 157 Enakmen itu adalah
dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan
"seratus ringgit atau penjara tidak lebih dari-
pada enam bulan" dengan perkataan-perkataan "dua
ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada
satu tahun".

Pindaan bagi
seksyen 157.

Seksyen 158 Enakmen itu adalah dipinda
dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima
ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada
tiga bulan" dengan perkataan-perkataan "satu
ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada
dua bulan".

Pindaan bagi
seksyen 158.

Seksyen 159 Enakmen itu adalah dipinda
dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima
ratus ringgit" dengan perkataan-perkataan "satu
ratus ringgit".

Pindaan bagi
seksyen 159.

Subseksyen (3) seksyen 160 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan" dengan perkataan-perkataan "tiga ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada dua tahun".

Pindaan bagi seksyen 160.

Seksyen 161 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan" dengan perkataan-perkataan "satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya".

Pindaan bagi seksyen 161.

Subseksyen (1) seksyen 162 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya" dengan perkataan-perkataan "lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya atau sebat sebanyak tiga kali sebatan atau tiga-tiganya".

Pindaan bagi seksyen 162.

Seksyen 163 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima

Pindaan bagi seksyen 163.

... lima ringgit atau penjara tidak lebih daripada
... bulan" dengan perkataan-perkataan "tuan
... lima ringgit atau penjara tidak lebih daripada
... tahun".

11. Subseksyen (1) seksyen 164 Enakmen Ibu
adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-
perkataan "lima ratus ringgit atau penjara tidak
lebih daripada enam bulan" dengan perkataan-
perkataan "dua ribu ringgit atau penjara tidak
lebih daripada satu tahun".

Pindaan bagi
seksyen 164.

12. Seksyen 165 Enakmen Ibu adalah dipinda
dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima
ratus ringgit" dengan perkataan-perkataan "dua
ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada
satu tahun atau kedua-duanya".

Pindaan bagi
seksyen 165.

13. Seksyen 166 Enakmen Ibu adalah dipinda
dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima
ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada
enam bulan" dengan perkataan-perkataan "dua ribu
ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu
tahun".

Pindaan bagi
seksyen 166.

14. Seksyen 167 Enakmen Ibu adalah dipinda
dengan menggantikan perkataan-perkataan "dua
ratus lima puluh ringgit atau penjara tidak lebih

Pindaan bagi
seksyen 167.

daripada tiga bulan" dengan perkataan-perkataan "satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan".

16. Seksyen 168 Enakmen ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "dua ratus lima puluh ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan" dengan perkataan-perkataan "satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan".

Pindaan bagi seksyen 168.

17. Seksyen 169 Enakmen ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "dua ratus lima puluh ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan" dengan perkataan-perkataan "dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun".

Pindaan bagi seksyen 169.

18. Seksyen 170 Enakmen ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan" dengan perkataan-perkataan "tiga ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada dua tahun".

Pindaan bagi seksyen 170.

19. Subseksyen (1) seksyen 171 Enakmen ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "seratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu bulan" dengan perkataan-

Pindaan bagi seksyen 171.

perkataan "satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan".

29. Seksyen 172 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan" dengan perkataan-perkataan "satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan".

Pindaan bagi seksyen 172.

30. Seksyen 173 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan" dengan perkataan-perkataan "dua ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun".

Pindaan bagi seksyen 173.

31. Seksyen 175 Enakmen itu adalah dipinda-

Pindaan bagi seksyen 175.

(a) dengan menggantikan perkataan-

perkataan "seratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu bulan" yang terdapat dalam subseksyen (i)

dengan perkataan-perkataan "satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-

perkataan "seribu ringgit atau penjara

tidak lebih daripada enam bulan" yang terdapat dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "dan ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun".

3. Seksyen 176 Enakmen Ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan" dengan perkataan-perkataan "empat ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun".

Pindaan bagi seksyen 176.

4. Seksyen 177 Enakmen Ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya" dengan perkataan-perkataan "empat ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya dan sebat tidak lebih daripada enam kali sebatan".

Pindaan bagi seksyen 177.

5. Seksyen 178 Enakmen Ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan" dengan perkataan-perkataan "empat ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun".

Pindaan bagi seksyen 178.

25. Seksyen 179 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan" dengan perkataan-perkataan "dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun".

Pindaan bagi seksyen 179.

26. Seksyen 180 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan" dengan perkataan-perkataan "satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan".

Pindaan bagi seksyen 180.

27. Subseksyen (1) seksyen 181 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan" dengan perkataan-perkataan "empat ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada dua tahun".

Pindaan bagi seksyen 181.

28. Seksyen 182 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan" dengan perkataan-perkataan "empat ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada dua tahun".

Pindaan bagi seksyen 182.

39. Seksyen 183 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "tiga ratus ringgit" dengan perkataan-perkataan "satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya".

Pindaan bagi seksyen 183.

40. Seksyen 184 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "tiga ratus ringgit" dengan perkataan-perkataan "satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya".

Pindaan bagi seksyen 184.

41. Seksyen 185 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya" dengan perkataan-perkataan "lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya atau sekurang-kurangnya tidak lebih daripada enam kali sebatan atau mana-mana kombinasi dua daripada hukuman-hukuman tersebut".

Pindaan bagi seksyen 185.

42. Seksyen 187 Enakmen itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "seratus ringgit atau dipenjara tidak lebih daripada satu bulan" dengan perkataan-perkataan "lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga bulan".

Pindaan bagi seksyen 187.

BAGIAN IX

PENALTI

124. Jika seseorang lelaki berkahwin lagi di manapun jua pun dalam masa dia masih beristerikan isterinya yang sedia ada tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Hakim Syariah maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Penjara
Denda
Kebenaran
Hakim
Syariah

125. Jika seseorang lelaki menceraikan isterinya dengan melafazkan talaq dengan apa jua bentuk di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Perceraian
di luar
Mahkamah
tanpa
kebenaran
Mahkamah

126. (1) Jika seseorang berkewajipan membuat sesuatu laporan di bawah Enakmen ini dan dia bersengaja cuai atau tidak berbuat demikian maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Tidak
membuat
laporan

(2) Jika seseorang berkewajipan membuat sesuatu laporan atau dikehendaki mengemukakan sesuatu permohonan di bawah Enakmen ini atau dikehendaki

memberi sesuatu maklumat atau menyempurnakan atau menandatangani apa-apa dokumen yang perlu di sisi undang-undang bagi maksud melaksanakan pendaftaran dokumen itu dan dia bersengaja cuai atau tidak membuat laporan itu atau tidak mematuhi kehendak itu maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Meninggal-
kan langsung
isteri

127. Jika seseorang telah diperintahkan oleh Mahkamah supaya hidup bersama semula dengan isterinya dan dia bersengaja cuai atau tidak mematuhi perintah itu maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dihukum denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Mengamaya
menipu.

128. Seseorang yang mengamaya isterinya atau menipu harta isterinya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Tidak
memberi
keadilan
yang se-
wajarnya
kepada
isteri.

129. Seseorang yang tidak memberi keadilan sewajar kepada isterinya mengikut Hukum Syara' adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Isteri
tidak
mematuhi
perintah.

130. Seseorang perempuan yang bersengaja tidak mematuhi sesuatu perintah yang diberi dengan sah oleh suaminya mengikut Hukum Syara' adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dihukum denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit atau, bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, denda tidak melebihi lima ratus ringgit.

131. Seseorang yang tidak tahu akan hukum yang ini, yaitu dia dengan perantara mengemukakan dirinya kepada hakim, memuatkan perkawinannya yang telah terdapat suatu kesalahan dan hendaklah apabila disababkan oleh hakim tersebut tidak melebihi enam bulan.

Jika married
tidak dapat
dibuktikan
perkawinan

132. (1) Seseorang **laki** yang setelah menikah dengan wanita isterinya, persekedudukan bersama dengan **tanpa** terlebih dahulu **melafatkan ruju'** yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disababkan dihukum denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Perkawinan
tidak dapat
dibuktikan
perkawinan

(2) Jika isterinya itu tidak tahu pada masa persekedudukan bersama itu tentang telah berlakunya perceraian maka suami itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disababkan dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

(3) Seseorang perempuan yang **bersyubhat** melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disababkan dihukum denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

133. Tanpa mengandungi apa-apa undang-undang yang lain, Mahkamah ini mempunyai kekuasaan di bawah seksyen ini untuk membatalkan atau membatalkannya di bawah Undang-undang ini atau di bawah mana-mana undang-undang lain, Mahkamah yang membuat perintah itu boleh, jika perintah itu itu, dengan sengaja tidak dipatuhi, mengarahkan supaya orang yang kena dibayar itu dilewat mengikut cara yang diperintahkan oleh undang-undang bagi mematuhi, denda-denda yang dikenakan oleh Mahkamah atau boleh menjatuhkan hukuman penjara ke atas orang yang sengaja tidak mematuhi perintah Mahkamah ini selama tempoh tidak lebih daripada satu bulan bagi tiap-tiap bulan nafkah masih belum dibayar.

Dengan
perintah
Mahkamah
untuk
mengeksekusi
perintah
Mahkamah

131. Seseorang yang tidak sadar akan suatu kesalahan yang diperbuatnya, kemudian diperintahkan untuk melakukan suatu kesalahan, kemudian ia melakukan kesalahan itu dan hendaklah apabila disabutkan dihukum denda tidak melebihi enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Jika sudah
sudah men-
lakukan
perbuatan

132. (1) Seseorang **lelaki** yang setelah menikah dengan seorang isterinya, persekudukam dengan dia **tanpa** terlebih dahulu **melafazkan nju'** yang tidak adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabutkan dihukum denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Perse-
kudukam
tanpa
sudah
meng-
ucapkan
berkata


(2) Jika isterinya itu tidak tahu pada masa persekudukam dengan dia tentang telah berlakunya perceraiannya maka suami melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabutkan dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

(3) Seseorang **perempuan** yang **bessyubhat** melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabutkan dihukum denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

133. Tanpa memandaklah sesuatu orang yang ada di bawah sesuatu bangunan di bawah sesuatu bangunan atau yang dibuat di bawah tingkamen ini untuk memantulkannya di bawah bangunan ini atau di bawah bangunan lain, undang-undang lain, Mahkamah yang membuat perintah itu boleh, jika perintah rasmi itu dengan sengaja tidak dipatuhi, mengarahkan supaya orang yang kena denda itu diberi mengikut taro yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi membayar denda-denda yang dikenakan oleh Mahkamah yang boleh menjatuhkan hukuman penjara ke atas orang yang sengaja tidak mematuhi perintah rasmi itu selama tempoh tidak lebih daripada satu bulan bagi tiap-tiap bulan nafkah masih belum dibayar.

Dengan
sengaja
tidak
mematuhi
perintah
rasmi

CARTA ORGANISASI
JABATAN AGAMA ISLAM PEKERI PANANG



Menyatakan
bahwa

134. Barangsiapa telah melakukan suatu kesalahan melakukan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman sama seperti yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Menyatakan
Mahkamah

135. Seseorang yang tidak mematuhi sesuatu perintah Mahkamah yang di bawah Enakmen ini dianggap sebagai menghina Mahkamah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dihukum denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Kes Jenayah Pada Tahun 1984 dan 1985


Kes	1984	1985
1/ Aduan Jenayah	589	650
2/ Siasatan	459	600
3/ Bondan / serbuan	249	350
4/ Bilangan kes (termasuk yang tertangguh)	528	560
5/ Kes yang didakwa di Mahkamah Syariah	466	420
6/ Kes yang selesai	404	300

Sumber : Jabatan Agama Islam Pahang (1990)


**Beban tugas Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah
tahun 1984 dan 1985**

Bilangan Tugas	Tahun 1984	Tahun 1985
1) Bilangan Wali Hakim	139	136
2) Bil. Daftar Nikah	4340	4634
3) Bil. Daftar Cerai	892	783
4) Bil. Daftar Rujuk	31	36
5) Bil. Tuntutan Hafkah	213	266
6) Bil. Kursus Pembangunan Keluarga Islam, Wali Hakim	1	5
7) Bil. Pegawai / Kakitangan yang ada	-	-

Sumber : Jabatan Agama Islam Pahang (1990)



TAMAT



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .

